

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Sunday, October 21, 2018 10:47 AM
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - All Students
Subject: Kemenangan Ini Untuk UUM



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

21 OKTOBER 2018, AHAD | 12 SAFAR 1440H



HEP: Itulah ungkapan dari Ramaditya Desvanzialdy pelajar Ijazah Sarjana Muda Multimedia yang mewakili Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia yang berjaya mengungguli gelaran Johan Bintang Antarabangsa Nyanyian Lagu Bahasa Melayu anjuran Pusat Kebudayaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) yang berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober baru-baru ini di Pusat Siswazah, UKM.

Pelajar yang berasal dari Jakarta, Indonesia itu membawakan lagu 'Terima Kasih Cinta' dan meluahkan perasaan syukur kerana diberi peluang untuk menyertai pertandingan yang berprestij ini.

"Dengan izin Allah dan berkat doa semua, ini sahaja yang mampu saya hadiahkan untuk UUM. Hanya Allah yang tahu sebak dalam hati saat diumumkan sebagai johan.

Naib Johan disandang oleh Universiti Sains Malaysia (USM), tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Anugerah Persembahan Terbaik dimenangi oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Mereka masing-masing berjaya membawa pulang hadiah wang tunai, trofi dan sijil.

Menurut Pengarah PBS, Huzaidy Hussain, bilangan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini semakin meningkat dan seperti juga apabila

memulakan pengajian di negara lain, pada amnya pelajar antarabangsa akan menghadapi beberapa cabaran sebagai pelajar baharu, antaranya bahasa.

“Sehubungan itu, usaha Pusat Kebudayaan UKM dan MAKUM dalam menganjurkan pertandingan seperti ini harus diberi pujian, kerana melalui pertandingan seperti ini dapat memartabatkan citra negara bangsa dan kedaulatan bahasa Melayu di persada antrabangsa.

“Kejayaan menghimpunkan wakil universiti dari pelbagai negara untuk bernyanyi dalam bahasa Melayu menggambarkan hakikat bahasa Melayu kini mencapai tahap bahasa sejagat atau global,” katanya.

“Sekurang-kurangnya inilah peringkat permulaan yang harus kita manfaatkan untuk meningkatkan bahasa Melayu ke tahap yang lebih luas di peringkat antarabangsa,” katanya lagi.

Turut hadir menyampaikan hadiah ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UKM, Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.